**SOALAN LAZIM (FAQ)**

**BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021 DI KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

## Pembukaan Sekolah

1. **Adakah semua murid di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu hadir ke sekolah apabila sekolah dibuka pada 20 Januari 2021?**

   Hanya murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) tahun 2020 dan 2021 serta peperiksaan antarabangsa yang setara akan hadir ke sekolah bagi mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Murid bukan kelas peperiksaan akan mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

2. **Adakah murid kelas peperiksaan yang tinggal di luar kawasan PKP boleh hadir ke sekolah yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?**

   Ya. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada murid bagi membolehkan mereka merentas negeri atau daerah untuk hadir ke sekolah.

3. **Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk menghantar dan mengambil anak/anak jagaan di sekolah?**

   Ya.

4. **Adakah murid kelas peralihan yang merayu untuk menduduki Pengesanan Literasi Bahasa Melayu boleh hadir ke sekolah?**

   Ya. Murid boleh hadir ke sekolah untuk menduduki Pengesanan Literasi Bahasa Melayu pada 21 Januari 2021. Bagi murid yang tidak dapat hadir, mereka boleh menduduki pengesanan tersebut pada 3 Februari 2021.

**Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam**

5. **Adakah pentaksiran pusat dan peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/STPM/DVM serta peperiksaan antarabangsa yang setara akan diteruskan?**

   Ya.

6. **Adakah Peperiksaan Percubaan SPM tahun 2020 yang belum selesai akan dilaksanakan?**

   Ya. Peperiksaan ini akan dilaksanakan apabila sekolah dibuka secara bersemuka.

**Kemasukan Murid ke Asrama**

7. **Bilakah murid asrama yang menduduki peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/STPM/DVM dibenarkan pulang ke asrama?**

   Bermula 16 Januari 2021.

8. **Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat anak/anak jagaan di asrama yang berada di kawasan PKP?**
   Tidak.

9. **Adakah murid dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam?**
   Tidak.

**Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

10. **Bagaimanakah PdP dilaksanakan bagi murid selain kelas peperiksaan?**
    Murid perlu mengikuti PdPR mengikut kesesuaian dan kesediaan guru dan murid. Guru boleh merujuk Manual PdPR yang boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

11. **Bagaimanakah murid Tahun 1 untuk sesi persekolahan tahun 2021, boleh mengakses portal DELIMa bagi melaksanakan PdPR?**
    Murid boleh mengakses Portal DELIMa menggunakan ID pengguna dan kata laluan DELIMa yang diberikan oleh pihak sekolah.

12. **Bagaimanakah murid boleh memperolehi jadual rancangan TV Pendidikan?**
    Jadual rancangan TV Pendidikan boleh diperoleh melalui portal rasmi KPM dan platform media sosial KPM seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* @KemPendidikan.

**Pelaksanaan Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum**

**13. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan secara bersemuka?**

Tidak. Walau bagaimanapun, aktiviti secara dalam talian dibenarkan sehingga pemakluman terkini oleh KPM.

**14. Adakah aktiviti sukan bagi tujuan PdP mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan di luar bilik darjah dibenarkan?**

Tidak.

**Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)**

**15. Bilakah murid Tingkatan 5 tahun 2020 perlu memulangkan buku teks?**

Selepas murid selesai menduduki peperiksaan SPM.

**16. Adakah murid Tingkatan 5 tahun 2021 akan menggunakan buku teks yang sama dengan murid Tingkatan 5 tahun 2020?**

Tidak. Murid akan dibekalkan dengan buku teks Tingkatan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi kegunaan tahun 2021.

**17. Bilakah murid selain murid Tingkatan 5 tahun 2020 perlu memulangkan buku teks dan mengambil buku teks baharu?**

Pemulangan dan agihan buku teks akan dilaksanakan berdasarkan jadual pemulangan dan agihan secara berperingkat yang ditetapkan oleh pihak sekolah apabila sekolah dibuka.

**18. Bagaimanakah murid boleh mendapatkan buku teks digital?**

Murid boleh memuat turun buku teks digital melalui portal DELIMa di pautan: www.moe-dl.edu.my, atau guru boleh membantu memuat turun buku teks digital, mencetak serta mengedar mengikut tajuk yang diperlukan sahaja.

**Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK)**

**19. Adakah PKSK akan dilaksanakan dalam tempoh PKP?**

Ya. Calon berdaftar yang belum menduduki Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) akan mengikuti pentaksiran ini di antara 20 hingga 29 Januari 2021 bagi kemasukan ke Tingkatan 1. Sementara itu, pentaksiran bagi kemasukan ke Tingkatan 4 pula akan diadakan di antara 15 hingga 25 Februari 2021. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh KPM bagi membolehkan calon merentas negeri atau daerah untuk hadir ke pusat pentaksiran yang ditetapkan.

**20. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon sebelum menduduki PKSK?**

Semua calon hendaklah mencetak slip menduduki PKSK dan surat kebenaran khas menghadiri PKSK di pautan berikut;

i. https://spskt1.moe.gov.my (Tingkatan Satu); atau
ii. https://spskt4.moe.gov.my (Tingkatan Empat)

**21. Adakah calon bergejala dibenarkan menduduki PKSK?**

Tidak. Ibu bapa/penjaga perlu mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Perubatan Bertauliah dan memaklumkan kepada Ketua Pusat Pentaksiran. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

**22. Adakah calon yang dikuarantin dibenarkan menduduki PKSK?**

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas tamat tempoh kuarantin. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

**23. Adakah calon yang positif COVID-19 dan dirawat di hospital boleh menduduki PKSK?**

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas discaj. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

**24. Adakah calon yang tinggal dalam kawasan PKP boleh menukar pusat PKSK?**

Ya. Calon perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Pusat Pentaksiran di pusat PKSK yang dimohon.

**Guru dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru**

**25. Bilakah guru perlu berada di stesen tempat bertugas?**

Guru perlu berada di stesen tempat bertugas sebelum 20 Januari 2021.

**26. Adakah guru perlu hadir bertugas di sekolah yang berada dalam kawasan PKP?**

Kehadiran guru ke sekolah adalah seperti berikut:

i. guru terlibat dengan kelas peperiksaan SPM/SVM/SKM/STPM/STAM/DVM tahun 2020 dan 2021 dan peperiksaan antarabangsa yang setara;
ii. guru terlibat dengan pengurusan peperiksaan; dan
iii. guru lain yang diarahkan hadir bertugas oleh Ketua Jabatan.

**27. Adakah guru yang tinggal di luar kawasan PKP boleh hadir bertugas di sekolah yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?**

Ya. Guru perlu mendapatkan surat kebenaran khas daripada Ketua Jabatan.

**28. Selain daripada guru, siapakah yang perlu hadir ke sekolah sepanjang tempoh PKP?**

i. Anggota Perkhidmatan Bukan Guru atas keperluan perkhidmatan dan arahan Ketua Jabatan;

ii. Pekerja perkhidmatan perlu (essential services) iaitu, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan dan pekerja dewan makan; dan

iii. Warden dan penyelia asrama.

**29. Adakah Anggota Perkhidmatan Bukan Guru boleh memohon Bekerja dari Rumah (BDR)?**

Ya. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan permohonan BDR bagi Anggota Perkhidmatan Bukan Guru dengan mengambil kira tugasan yang memerlukan keberadaan mereka di pejabat.

**Pengoperasian Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi**

**30. Adakah pelajar dibenarkan kembali ke IPG semasa tempoh PKP?**

Tidak.

**31. Bagaimanakah pelaksanaan PdP dan pentaksiran di IPG?**

PdP bagi semua program pengajian akan dilaksana secara dalam talian mulai 17 Januari 2021 bagi negeri Kumpulan A dan 18 Januari 2021 bagi negeri Kumpulan B.

**32. Bagaimanakah praktikum/*internship* bagi pelajar IPG di kawasan PKP akan dilaksanakan?**

Pelajar akan ditempatkan semula di sekolah dalam kawasan PKPB/PKPP.

**33. Adakah pensyarah perlu hadir ke IPG sepanjang tempoh PKP?**

Ketua Jabatan boleh mengarahkan pensyarah hadir bertugas di IPG mengikut keperluan.

**34. Adakah pensyarah IPG yang tinggal di luar kawasan PKP boleh hadir bertugas di IPG yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?**

Ya. Pensyarah perlu menunjukkan surat kebenaran khas untuk hadir bertugas oleh Ketua Jabatan.

**35. Adakah pelajar yang telah berada di Kolej Matrikulasi perlu kekal di kolej masing-masing?**

Ya.

**36. Bagaimanakah pelaksanaan PdP di Kolej Matrikulasi?**

PdP dilaksanakan secara hibrid di Kolej Matrikulasi masing-masing.

**37. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi akan menduduki Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM) I?**

Ya.

**38. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi perlu menduduki *Malaysian University English Test* (MUET) Tahun 2020 yang tertangguh?**

Ya. Pelajar boleh merujuk jadual MUET di laman sesawang Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan: www.mpm.edu.my.

**39. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam?**

Tidak.

**40. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat pelajar Kolej Matrikulasi yang tinggal di asrama dalam kawasan PKP?**

Tidak.

**41. Adakah pensyarah Kolej Matrikulasi perlu hadir bertugas sepanjang tempoh PKP?**

Ketua Jabatan boleh mengarahkan pensyarah hadir bertugas di Kolej Matrikulasi mengikut keperluan.

**42. Adakah pensyarah Kolej Matrikulasi yang tinggal di luar kawasan PKP boleh hadir bertugas di Kolej Matrikulasi yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?**

Ya. Pensyarah perlu menunjukkan surat kebenaran khas untuk hadir bertugas oleh Ketua Jabatan.

**Pengoperasian Institusi Pendidikan Swasta (IPS)**

**43. Adakah tadika swasta dibenarkan beroperasi secara bersemuka?**

Ya. Ini termasuk kelas prasekolah di sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat.

**44. Adakah semua IPS kategori sekolah di kawasan PKP dibuka untuk pembelajaran secara bersemuka?**

Tidak. Hanya kelas yang melibatkan murid yang akan menduduki peperiksaan SPM/SVM/SKM/STPM/STAM/DVM tahun 2020 dan 2021 serta peperiksaan antarabangsa yang setara akan dibenarkan beroperasi secara bersemuka.

**45. Adakah semua IPS kategori pusat seperti pusat tuisyen/pusat bahasa dibuka untuk pembelajaran secara bersemuka?**

Tidak.

**46. Adakah IPS yang dibenarkan melaksana pembelajaran secara bersemuka perlu mengeluarkan surat kebenaran pergerakan kepada murid/guru/pekerja untuk hadir ke IPS?**

Ya.

**Pengoperasian Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN) Dan Pusat GENIUS Kurnia (PGK)**

**47. Adakah PAGN dan PGK di kawasan PKP akan beroperasi?**

Ya. Namun, berdasarkan kuota yang dibenarkan, keutamaan diberikan kepada ibu bapa/penjaga yang kedua-duanya bekerja.

**48. Adakah ibu bapa/penjaga boleh menghantar anak/anak jagaan separuh hari ke PAGN?**

Ya. Walau bagaimanapun, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan lebih awal kepada pendidik supaya aktiviti dan rutin anak/anak jagaan dapat dirancang dengan baik.

- TAMAT -